

11 JUL 1998

Mahathir-Komanwel

PELABURAN DALAM SUKAN BUKAN SIA-SIA, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 11 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pelaburan Malaysia dalam bidang sukan tidak akan menjadi sia-sia kerana ia akan menghasilkan rakyat yang bertubuh dan akal fikiran yang sihat, yang seterusnya menyumbang kepada kejayaan individu dan bangsa.

Perdana Menteri berkata pelaburan dalam sukan juga membawa pulangan besar kepada negara dengan membina semangat daya juang, kecekalan, kegigihan dan komitmen di kalangan rakyat selain mendisiplinkan diri dengan nilai yang baik.

"Walaupun sekarang yang lebih utama ialah kemenangan dengan apa cara sekalipun, tetapi semangat kesukanan tidak harus diketepikan," katanya ketika berucap merasmikan Kompleks Sukan Negara di Bukit Jalil yang berharga RM800 juta.

Dalam upacara yang diadakan di stadium utama yang boleh memuatkan 100,000 penonton, Perdana Menteri berkata, sukan juga akan menjadi industri yang menyumbang kepada pembangunan ekonomi sesebuah negara kerana acara-acara sukan yang menarik minat orang ramai mempunyai potensi komersil dalam bidang iklan, penyiaran televisyen, radio, majalah, akhbar, pakaian sukan dan alat kelengkapan pelbagai jenis sukan.

"Di masa yang sama atlit berpeluang untuk mendapat imbuhan yang lumayan bahkan boleh menjadi kaya raya sebagai anggota sukan profesional," katanya.

Dr Mahathir berkata, Kompleks Sukan Negara tidak akan dibangunkan jika ia tidak boleh mendatangkan pulangan daripada acara-acara sukan dan acara lain yang dijalankan di situ.

Menurut beliau, Malaysia bernasib baik kerana mengambil keputusan membina sebuah kompleks sukan pada waktu negara belum diserang kegawatan kewangan, yang jika tidak, pasti akan menjadikan kos pembinaannya lebih tinggi.

"Jika kita hendak bangunkan kompleks ini sekarang sudah tentu kosnya akan berlipat ganda, bahkan kita tidak akan berupaya membinanya sama sekali," katanya.

Pembukaan Kompleks Sukan Negara itu, yang indah dan lengkap dengan kemudahan terkini, bukan sahaja membuktikan kesungguhan negara menjayakan Sukan Komanwel ke-16 sebagai temasya sukan paling gemilang tetapi juga menjadikannya simbol kecemerlangan sukan yang diharap menjadi budaya di kalangan masyarakat.

Beliau yakin rakyat Malaysia mampu menganjur dengan jayanya Sukan Komanwel, temasya sukan kedua terbesar di dunia selepas Sukan Olimpik.

Sukan Komanwel ke 16 dijadual berlangsung dari 11 hingga 21 Sept ini.

Perdana Menteri berkata untuk menguruskan acara sebegitu besar bukan sesuatu yang mudah kerana kemudahan fizikal sahaja tidak mencukupi untuk menentukan kejayaannya.

"Malaysia boleh jika kita yakin kita boleh," kata Dr Mahathir.

Apa yang penting, katanya, ialah kecekapan pengurusan sukan itu, yang pertama kalinya dianjurkan oleh negara anggota Komanwel di Asia.

Beliau berkata dalam menganjurkan kejohanan sukan yang sebegitu besar, kerjasama antara semua pihak yang terlibat adalah penting terutama semasa acara sukan sebenar berlangsung.

Dr Mahathir berkata oleh kerana Sukan Komanwel disertai semua kaum etnik dari enam benua di dunia iaitu Eropah, Asia, Afrika, Amerika Utara, Amerika Selatan dan Oceania, rakyat Malaysia akan dapat melihat hampir semua atlit yang handal dari seluruh dunia.

Pada upacara itu, Dr Mahathir turut mengumumkan nama baru kemudahan-kemudahan yang terdapat di kompleks yang dikenali sebagai Kompleks Sukan Negara iaitu stadium utama sebagai Stadium Nasional, stadium tertutup sebagai Stadium Putra dan kompleks renang sebagai Pusat Akuatik Nasional.

Stadium hoki akan dikenali sebagai Stadium Hoki Nasional, stadium skuasy sebagai Pusat Skuasy Nasional dan sebuah kawasan bukit di Kompleks Sukan Negara sebagai Bukit Komanwel.

Dua kemudahan di Kompleks Sukan Bukit Kiara juga diberi nama baru iaitu Stadium Juara bagi stadium tertutup dan Pusat Boling Padang Nasional bagi kompleks boling padang.

Terdahulu ketika merasmikan perkhidmatan Sistem Transit Aliran Ringan (STAR-LRT) dari pusat bandar ke Bukit Jalil, Dr Mahathir berkata kejayaan STAR menyempurnakan rel ringan itu lebih awal dari jadual bagi menyambut Sukan Komanwel merupakan bukti syarikat Malaysia mampu melaksanakan tugas dengan baik apabila diberi tanggungjawab yang besar.

Perkhidmatan STAR-LRT merupakan pengangkutan utama yang dijangka membawa peminat sukan ke Kompleks Sukan Negara untuk menyaksikan Sukan Komanwel.

Dr Mahathir berkata sistem pengangkutan awam beramai-ramai adalah kemudahan terpenting bagi sebuah bandar besar seperti Kuala Lumpur yang kini mempunyai lebih dua juta penduduk.

Katanya, Kuala Lumpur sepatutnya mempunyai satu sahaja sistem rel ringan tetapi disebabkan pelabur-pelabur tempatan adalah kecil, kekurangan modal dan pengalaman, empat sistem yang dimiliki syarikat berlainan terpaksa diadakan.

Dr Mahathir berkata STAR-LRT menghadapi ujian besar terhadap kemampuan dan kecekapannya ketika mengangkut penumpang ke Kompleks Sukan Negara.

"Anggaplah ini sebagai satu cabaran dan tentukanlah segala bahagian berjalan dengan baik dan lancar.

"Ingatlah ramai pelawat asing akan mengguna sistem transit ini dan apa yang mereka lihat akan menggambarkan negara kita sebagai tuan rumah kepada Sukan Komanwel," katanya.

-- BERNAMA

RAZ MAI